

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : **1 APRIL 2015 (RABU)**

SOALAN : **Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membela penternak industri ikan arowana yang mengalami masalah kejatuhan harga dan pemasaran sedangkan mereka sudah melabur begitu banyak dalam industri tersebut.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Industri penternakan arowana di Malaysia dijalankan secara komersil dan kecil-kecilan. Sejumlah 99 orang penternak arowana yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia. Namun begitu, industri ikan kelisa atau arowana telah menghadapi masalah penurunan harga ikan disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

1. manipulasi harga 'orang tengah' yang meletakkan harga rendah kepada penternak disebabkan isu pengecaman varieti dan jantina ikan semasa kecil;
2. kurang kepercayaan oleh pembeli terhadap kualiti arowana yang dikeluarkan;

3. sistem pelaburan pawah arowana yang dijalankan oleh kebanyakan penternak telah menyebabkan berlaku peningkatan ke atas pengeluaran ikan. Sehubungan itu, orang tengah akan menawarkan harga yang murah dan penternak terpaksa menjual pada harga yang diminta. Hal ini memberikan tekanan kepada pengusaha untuk membayar hasil pelaburan kepada pelabur/pemawah; dan
4. aktiviti penyeludupan ikan arowana ke luar negara tanpa permit CITES yang menawar harga yang lebih rendah. Keadaan ini menyebabkan pengimport memberi tekanan kepada pengusaha untuk menurunkan harga.

Dalam permasalahan ini, seramai 99 penternak didapati telah terjejas. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut bagi membantu penternak industri ikan arowana yang mengalami masalah kejatuhan harga dan pemasaran:

1. membangunkan piawaian spesifikasi morfologi ikan kelisa emas Malaysia iaitu MS 2536:2013 dengan kerjasama SIRIM dan Jabatan Standard Malaysia. Spesifikasi ini dapat membantu pengusaha untuk memasarkan hasil yang berkualiti berdasarkan kepada piawaian. Hal ini dapat mengelakkan pembeli memanipulasi harga ikan kelisa emas yang berkualiti dan dapat membantu pengusaha meningkatkan harga pasaran;
2. membangunkan prototaip biosensor arowana di mana ketulenan varieti dan jantina ikan kelisa emas dapat dikenalpasti di peringkat anak dengan hanya menggunakan sampel tisu ikan kelisa. Biosensor ini dapat digunakan oleh penternak dan pengusaha ikan kelisa bagi mengesah varieti dan jantina ikan serta dapat mengelakkan pembeli daripada meletakkan harga yang rendah kerana ketidakpastian penternak dalam mengesahkan ketulenan ikan tersebut;

3. menggalakkan penternak untuk mengeluarkan ikan kelisa varieti tulen yang berkualiti tinggi (Kelisa Emas Malaysia) di mana penternak perlu melakukan pengredan ikan supaya hanya kualiti terbaik dikeluarkan dan dijamin pasaran;
4. membantu ladang-ladang kelisa untuk memperoleh pendaftaran CITES. Ladang yang berdaftar mampu meningkatkan nilai pasaran dan menghalang penyeludupan ikan kelisa ke luar negara;
5. menyediakan kemudahan makmal hadapan bagi memeriksa tanda awal penyakit ikan dan kualiti air ternakan;
6. menyediakan ruang pasaran pengusaha kelisa Malaysia ke luar negara dengan membiayai gerai pameran peringkat antarabangsa seperti di China, Dubai dan Eropah. Hal ini dapat membantu mempromosi ikan kelisa ke peringkat antarabangsa.